

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE
(PETALING JAYA UTARA)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 27.10.2015

Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE [PETALING JAYA UTARA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada bayaran pembelian tanah Pulau Indah bernilai lebih kurang RM300 juta telah dilunaskan dengan pinjaman 1MDB sebanyak US\$150 juta daripada Bank Exim pada bulan Mac 2014.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Tujuan pinjaman daripada Bank EXIM adalah untuk kegunaan Korporat

Am bagi perniagaan tenaga kumpulan syarikat 1MDB. Sebahagian daripada pinjaman tersebut digunakan untuk melunaskan sebahagian daripada bayaran perjanjian jualan saham (*share sale agreement*, dengan izin). Pinjaman tersebut juga mematuhi syarat-syarat kredit dan risiko yang ditetapkan, serta memenuhi mandat Bank EXIM, khususnya dalam sektor pembangunan projek tenaga global di bawah kumpulan 1MDB.